

# A Study into Certain Aspects of Drug Education Programmes in Malaysian Schools

---

National Drug Research Centre  
in collaboration with  
the School of Educational Studies  
Universiti Sains Malaysia  
Minden, Pulau Pinang.

kas 9

---

This study was funded by the United Nations for Drug Abuse Control.

A STUDY INTO CERTAIN  
ASPECTS OF DRUG EDUCATION PROGRAMMES  
IN MALAYSIAN SCHOOLS

by

Dr. Peter Choo Piang Fong  
Profesor Madya (Dr.) Maznah Ismail  
Profesor Madya (Dr.) V. Navaratnam  
in collaboration with  
Profesor Madya (Dr.) Tunku Ismail Md. Jewa  
Azizah Ahmad  
Abdul Khalid Abdul Karim

National Drug Research Centre  
in collaboration with  
the School of Educational Studies  
Universiti Sains Malaysia  
Minden, Pulau Pinang.

April, 1983

---

This study was funded by the United Nations Fund for Drug Abuse  
Control.

© Pusat Penyelidikan Dadah Kebangsaan Universiti Sains Malaysia 1983. All right reserved. No part of this publication may be reproduced, in a retrieval system, or transmitted, in any form or by any means, electronic, mechanical photocopying, recording or otherwise, without the prior permission of the author.

CONTENTS

	Page
Acknowledgement	
A. Ringkasan Kajian	
1. Introduction .....	1
2. Methodology .....	5
2.1 Sample .....	5
2.2 Development of Questionnaire .....	6
2.3 Administration .....	7
2.4 Method of Analysis .....	7
3. Results .....	9
4. Printed Materials .....	10
4.1 Posters .....	10
4.2 Pamphlets .....	14
5. Films/Slides .....	20
5.1 List of Films Shown .....	22
6. Exhibitions and Talks .....	24
6.1 Exhibitions .....	24
6.2 Talks .....	27
7. Seminars/Workshops .....	30
8. Drug Education Programmes in Schools .....	35
8.1 Curriculum .....	35
8.2 Other Programmes/Comments .....	36
9. Suspected Cases of Drug Abusers in Schools .....	38
10. Summary and Conclusions .....	39
11. List of References .....	44
12. List of Appendices .....	45

ISBN - 967 - 9979 - 07 - 5

Printed in Pulau Pinang by Sinaran Bros. Sdn. Bhd.  
Published by the National Drug Research Centre,  
Universiti Sains Malaysia.

## ACKNOWLEDGEMENT

The research team wishes to thank the following persons.

1. Datuk Musa Hitam, Deputy Prime Minister and Chairman, Anti-Dadah Committee, National Security Council, for his interest and support.
2. Datuk (Dr.) Sulaiman Daud, Minister of Education for his continued support and interest.
3. Datuk Musa bin Mohamad, Vice-Chancellor, Universiti Sains Malaysia for his advice and interest.
4. Prof. (Dr.) G. di Gennaro, Executive Director, United Nations Fund for Drug Abuse Control for his constant support.
5. Tan Sri Datuk Murad b. Mohd. Noor, Director-General and Datuk Abdul Rahman Arshad, Deputy Director-General, for their advice and facilitating the execution of the study.
6. The Deputy Vice-Chancellors, Universiti Sains Malaysia for their interest and support.
7. The staff of the Division of Counselling Services, Ministry of Education, particularly Mr. Abdul Latiff b. Mohd. Ali for their constant assistance and understanding.
8. The technical and secretarial staff of the National Drug Research Centre for their assistance during the study and in the preparation of the report.
9. The headmasters and teachers of the participating schools for their collaboration and supportive co-operation.
10. The academic staff of the School of Educational Studies, Universiti Sains Malaysia, particularly Dr. Ghazali Othman, Ahmad Khamis, Fatimah Ali, Zurida Ismail, Kim Phaik Lah and Khatijah Khalid.

## RINGKASAN KAJIAN

1 Kajian penilaian yang dijalankan ini bertujuan melaporkan hasil tinjauan ke atas beberapa sekolah menengah mengenai jenis-jenis rancangan atau kegiatan yang terdapat di sekolah-sekolah menengah tentang sejauhmana dari perhitungan pihak sekolah rancangan-rancangan ini berkesan.

Rancangan penyelidikan ini merupakan bahagian pertama yang diatur mengenai pencegahan penyalahgunaan dadah melalui pendidikan.

Kajian ini merupakan usaha-kerjasama di antara Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan dan Pusat Penyelidikan Dadah Kebangsaan, Universiti Sains Malaysia. Bahagian Pertama akan menilai rancangan-rancangan pencegahan dadah yang sedia ada di sekolah-sekolah menengah.

Pada Bahagian Kedua, hasil kajian-kajian daripada Bahagian Pertama ini akan dimajukan serta diuji rancangan-rancangan baru tentang kekesanannya bagi pelajar-pelajar sekolah menengah; dari segi pendekatan-pendekatan yang boleh digunakan, penggubalan program-program pencegahan yang sesuai dan psikologikal profail pelajar-pelajar sekolah.

Jelaslah bahawa kajian yang dilaporkan ini hanyalah sebahagian saja daripada rancangan penyelidikan yang menyeluruh.

## Kaedah Tinjauan

Sebanyak 250 buah sekolah menengah di Pulau Pinang, Perak, Perlis dan Kedah terlibat dalam kajian ini.

Pada pemilihan sekolah-sekolah menengah dan kawasan utara Semenanjung, ini adalah berdasarkan pendapat bahawa murid-murid pada peringkat menengahlah akan lebih mudah terpengaruh; kawasan utara ini berdekatan dengan sempadan Malayria-Thai di mana penyeludupan dadah berlaku dengan giatnya.

#### Sampel

Di antara 276 buah sekolah yang di 4 buah negeri tersebut, yang menerima Soalselidik, 250 buah (96.8%) telah menjawab dan menghantar balik maklumat yang dikehendaki.

Pengkelasan sekolah-sekolah ke dalam gred-gred adalah mengikut pengkelasan yang ditentukan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Klasifikasi sekolah-sekolah juga dibuat mengikut kawasan di mana sekolah-sekolah tersebut berada; iaitu yang terlibat dengan kegiatan dadah. Data-data ini dianalisisakan melalui komputer; ada terdapat beberapa soalan yang sengaja dibuat 'open-ended' yang mana jawapannya dimasukkan dalam bahagian-bahagian laporan ini.

#### Prosedur

Soalselidik yang mengandungi 32 soalan dihantar ke tiap-tiap sekolah. Kajian rintis dijalankan bagi menentukan kesesuaian soalan-soalan yang digunakan bagi mendapatkan maklumat berikut:

- i. Jenis bahan bercetak dan bukan bercetak mengenai pendidikan pencegahan dadah yang terdapat di sekolah-sekolah tersebut.

- ii. Pameran-pameran dan ceramah-ceramah yang dihadiri oleh murid-murid.
- iii. Seminar dan bengkel yang dihadiri oleh guru-guru atau gurubesar-gurubesar.
- iv. Matapelajaran yang pada pendapat guru mengandungi unsur-unsur pendidikan pencegahan dadah.
- v. Rancangan-rancangan atau kegiatan-kegiatan lain yang dijalankan di sekolah.
- vi. Maklumat-maklumat bilangan murid-murid yang dikesan sebagai penagih semenjak 1970.

Soalselidik ini adalah dalam Bahasa Malaysia.

#### Administrasi

Soalselidik dihantar dengan pos disertai surat penerangan mengenai tujuan penyelidikan ini. Sekolah-sekolah diberi nombor-nombor kod sahaja; dan gurubesar-gurubdsar diminta menjawab soalan-soalan yang dikemukakan.

#### Hasil

1. Bahan-bahan bercetak dan bukan bercetak yang diterima oleh sekolah-sekolah

- i) Bahan-bahan Bercetak

Jenis-jenis bahan bercetak yang kerap kali terdapat di sekolah-sekolah adalah poster dan risalah-risalah.

Poster

Sebagai yang ternyata dalam Jadual 2, kebanyakan sekolah mempunyai antara 1 hingga 5 jenis poster dan sekolah-sekolah gred A, B dan C mempunyai lebih dari 10 jenis. Sementara itu terdapat 14.6% dari sekolah-sekolah dalam sampel ini yang tidak mempunyai apa-apa jenis poster.

Jadual 2

Taburan Peratus Sekolah-Sekolah Yang Menerima Poster-Poster

Gred Sekolah (N=248)	Bilangan Jenis Poster					Jumlah
	1-2	3-5	6-10	10+	Tidak Ada	
	%	%	%	%	%	%
A = 87	15.3+ (43.7)*	10.1 (28.7)	3.2 (9.2)	1.6 (4.6)	4.9 (13.8)	100
B = 105	17.2 (40.9)	14.1 (33.3)	4.0 (11.4)	1.2 (2.9)	4.9 (11.4)	100
C = 38	6.9 (44.7)	4.0 (26.3)	0.4 (2.6)	0.4 (2.6)	3.6 (23.7)	100
D = 10	2.0 (50.0)	1.6 (40.0)	-	-	0.4 (10.0)	100
T = 8	2.0 (62.5)	0.4 (12.5)	-	-	0.8 (25.0)	100
Jumlah	43.5	30.2	8.5	3.2	14.6	

+ Peratus tanpa kurungan berdasarkan seluruh sampel.

\* Peratus dalam kurungan berdasarkan jumlah bagi tiap-tiap jenis sekolah. (Tanda yang sama, iaitu + dan \* diguna dalam Jadual-Jadual lain).

T = Tidak dapat diberi gred.

Sebahagian besar poster-poster ini didapati dari Persatuan Mencegah Salahguna Dadah Malaysia (PEMADAM) dan sekolah-sekolah sendiri. Badan-badan lain seperti Jabatan Penerangan, Pusat-Pusat Pemulihan Dadah serta juga kelab-kelab Rotery dan Lion ada juga mengeluarkan poster-poster.

Sekolah-sekolah juga diminta memberi pendapat sama ada secara umum, ramai murid-murid yang telah melihat poster-poster yang dipamerkan. Seperti yang ternyata dalam Jadual 3, 86.0% sekolah-sekolah menyatakan bahawa ramai juga murid-murid yang telah melihat poster-poster ini. Sementara itu 2.8% sekolah telah menyuarakan bahawa tidak seorang murid yang tertarik kepada poster-poster yang dipamerkan.

Jadual 3

Taburan Peratus Sekolah Mengenai Minat Murid Terhadap Poster-Poster

Bilangan Murid	Taburan Sekolah
	%
Ramai	34.6
Agak ramai	51.4
Tidak ramai	11.2
Tidak langsung	2.8
	100

Walaupun sebahagian besar sekolah-sekolah menyatakan bahawa ramai murid-murid tertarik kepada poster-poster yang dipamerkan, hanya 52.0% dari sekolah-sekolah ini yang berpendapat bahawa kebanyakan poster-poster adalah berkesan menyampai maklumat yang bertujuan untuk mencegah penggunaan dadah di kalangan murid-murid sekolah. Sementara itu 21.0% lagi menyuarakan bahawa kebanyakan poster-poster yang diterima adalah tidak begitu berkesan.

#### Risalah

Sekolah-sekolah juga mendapat berbagai risalah seperti yang ternyata dalam Jadual 4. Sebanyak 68.0% sekolah-sekolah biasa menerima 1-5 jenis risalah-risalah dan sekolah-sekolah gred A dan B biasa menerima lebih dari 10 jenis bahan ini. Dalam pada itu 25.5% dari sekolah-sekolah dalam sampel ini tidak biasa menerima apa-apa risalah. Ini termasuk sekolah-sekolah semua gred.

Jadual 4

Taburan Peratus Sekolah-sekolah Yang Menerima Risalah-Risalah

Gred Sekolah (N=247)	Bilangan Jenis Risalah					Jumlah
	1-2	3-5	6.10	10+	Tidak Ada	
	%	%	%	%	%	%
A = 86	15.4+ (44.2)*	7.7 (22.1)	1.6 (4.7)	0.8 (2.3)	9.3 (26.7)	100
B = 106	21.9 (50.9)	10.1 (23.6)	0.8 (1.9)	2.0 (4.7)	8.1 (18.9)	100
C = 38	5.3 (34.2)	3.6 (23.7)	1.6 (10.5)	-	4.9 (31.6)	100
D = 9	1.2 (33.3)	0.8 (22.2)	-	-	1.6 (44.4)	100
T = 8	0.8 (25.0)	0.8 (25.0)	-	-	1.6 (50.0)	100
Jumlah	44.5	23.1	4.0	2.8	25.5	

T = Tidak dapat diberi gred. (+ dan \* Rujuk Jadual 2).

Sekolah-sekolah juga mengatakan bahawa kebanyakan risalah-risalah yang diterima adalah dikeluarkan oleh PEMADAM. Badan-badan lain seperti Kementerian Pelajaran, Jabatan-Jabatan Pelajaran, Jabatan-Jabatan Pendrangan dan Kebajikan, Persatuan Pengguna-Pengguna Pulau Pinang dan Kelab Rotery dan Lion juga ada menghantar risalah-risalah ke sekolah-sekolah. Akhir sekali sebilangan kecil sekolah-sekolah telah berusaha mengeluarkan risalah-risalah sendiri.

Berhubung dengan soal mengenai kumpulan sasaran risalah-risalah ini, 37% sekolah menyatakan bahawa kandungan kebanyakan risalah-risalah yang terdapat di Sekolah adalah untuk guru, sementara 63% menyatakan bahawa kebanyakan risalah-risalah adalah untuk pembacaan murid-murid. Selanjutnya sekolah-sekolah juga menyatakan bahawa berbanding dengan peratus murid-murid (41.6%), peratus guru yang mungkin tidak berpeluang membaca risalah-risalah ini adalah 61.1%.

ii) Bahan-bahan Bukan Bercetak

Sekolah-sekolah juga ditanya mengenai bahan-bahan bukan bercetak yang biasa digunakan di sekolah. Jawapan kepada soalan ini menunjukkan bahawa bahan-bahan bukan bercetak yang kerap kali digunakan di sekolah-sekolah ialah filem atau slaid. Seperti yang terlihat dalam Jadual 5, peratus sekolah-sekolah yang biasa menayang filem atau slaid mengenai pencegahan penggunaan dadah adalah amat kecil sekali (10.6%). Sebilangan besar dari sekolah-sekolah (89.4%) tidak pernah menggunakan bahan-bahan ini dalam masa 5 tahun yang lepas.

Jadual 5

Taburan Peratus Sekolah-sekolah Yang Menayang Filem

Gred Sekolah (N=245)	Bilangan Tayangan					Jumlah
	1-2	3-5	6-10	10+	Tidak Pernah	
	%	%	%	%	%	%
A = 84	3.7+ (10.7)*	0.4 (1.2)	-	0.4 (1.2)	29.8 (86.9)	100
B = 105	4.1 (9.5)	-	0.4 (1.0)	-	38.4 (89.5)	100
C = 38	0.4 (2.6)	0.4 (2.6)	-	-	14.7 (94.7)	100
D = 10	0.8 (20.0)	-	-	-	3.3 (80.0)	100
T = 8	-	-	-	-	3.3 (100.0)	100
Jumlah	9.0	0.8	0.4	0.4	89.4	

T = Tidak dapat diberi gred. (+ dan \* Rujuk Jadual 2)

Di antara sebilangan kecil sekolah-sekolah yang pernah menayang filem, kebanyakan biasa menayang antara sekali hingga dua kali walaupun ada beberapa sekolah gred A dan gred B yang biasa menayang lebih dari 5 kali. Antara filem-filem yang ditayang di sekolah ialah:

- i. Drug Abuses
- ii. The Drug Bug
- iii. The Narcotic File

- iv. Smoking
- v. Alcoholism
- vi. The Switch Blade
- vii. Anti Drug Abuse
- viii. Three Experiences
- ix. Poisonous Honey

Selanjutnya sekolah-sekolah juga diminta nyatakan berapa kali murid-murid sekolah-sekolah ini berpeluang menonton tayangan filem yang dianjurkan oleh sekolah-sekolah lain atau badan-badan lain disepanjang 5 tahun yang lalu. 90.8% dari sekolah-sekolah menyatakan bahawa murid-muridnya tidak pernah berpeluang berbuat demikian. Di antara sebab-sebab yang diberi oleh sekolah mengenai hal ini ialah sekolah-sekolah tidak tahu bahawa sekolah-sekolah lain ada menayang filem mengenai pencegahan penggunaan dadah atau sekolah-sekolah lain itu terlalu jauh bagi murid-murid untuk pergi menonton filem.

Di antara peratus kecil sekolah-sekolah yang biasa menghantar murid-muridnya untuk menonton filem di sekolah lain, sekolah gred A dan gred B merupakan sekolah yang kerap memberi peluang ini kepada murid-muridnya sekurang-kurangnya antara sekali hingga dua kali; dan filem-filem yang ditonton di sekolah-sekolah lain ialah:

- i. Drug Abuse
- ii. Dangers of Smoking
- iii. Penagih Dadah

- iv. Sports and Drugs
- v. Anti Drug Abuse

2. Pameran-pameran dan Ceramah yang dihadiri oleh Murid-Murid Sekolah

Seperti yang terlihat dalam Jadual 6, 60.0% sekolah-sekolah dalam sampel kajian ini melaporkan bahawa di sepanjang 5 tahun yang lalu, murid-muridnya berpeluang menghadiri pameran-pameran yang mempunyai unsur-unsur pendidikan pencegahan dadah.

JADUAL 6

Taburan Peratus Sekolah-Sekolah Melaporkan Kehadiran Murid-Murid di Pameran Pencegahan Salahguna Dadah

Gred Sekolah (N=245)	Bilangan Kehadiran Murid-Murid di Pameran					Jumlah (%)
	1-2 (%)	3-5 (%)	6-10 (%)	10+ (%)	Tidak Pernah (%)	
A = 84	15.9+ (46.4)*	6.1 (17.9)	0.8 (2.4)	0.4 (1.2)	11.0 (32.1)	100
B = 105	20.4 (47.6)	5.3 (12.4)	0.8 (1.9)	0.4 (1.0)	15.9 (37.1)	100
C = 38	5.7 (36.8)	0.4 (2.6)	0.8 (5.3)	-	8.6 (55.3)	100
D = 10	1.6 (40.0)	-	-	-	2.4 (60.0)	100
T = 8	1.2 (37.5)	0.4 (12.5)	-	-	1.6 (50.0)	100
Jumlah	44.9	12.2	2.4	0.8	39.6	

T = Tidak dapat diberi gred. (+ dan \* Rujuk Jadual 2)

Dari peratus ini, sebahagian besar sekolah-sekolah menyatakan bahawa murid-muridnya berpeluang menghadiri antara sekali hingga dua kali pameran. Seterusnya sekolah-sekolah gred A dan gred B paling banyak melaporkan kehadiran murid-muridnya di pameran-pameran.

Badan-badan yang mengendalikan pameran-pameran ini termasuklah Jabatan-Jabatan Pelajaran, PEMADAM, Persatuan Pengguna-Pengguna Pulau Pinang, Jabatan Polis, sekolah-sekolah lain dan kelab Jaycees.

Berdasarkan jawapan-jawapan sekolah-sekolah didapati 72.5% sekolah-sekolah berpendapat bahawa pameran-pameran ini dapat memberi manfaat yang berkesan kepada murid dari segi menimbulkan kesedaran bahaya dadah. Sementara itu 26.2% sekolah berpendapat bahan pameran ini adalah tidak begitu berkesan, dan sebilangan kecil, iaitu 1.3%, percaya bahawa pameran-pameran ini adalah tidak berkesan langsung.

Berhubung dengan ceramah-ceramah untuk murid-murid, sebilangan besar sekolah-sekolah melaporkan biasa mengadakan kegiatan ini, (42.8%) sekurang-kurang antara sekali dan dua kali. Tetapi seperti yang terlihat dalam Jadual 7, banyak sekolah-sekolah yang tidak pernah mengadakan ceramah-ceramah (40.0%), terutama sekali sekolah-sekolah gred C dan gred D.

Jadual 7

Taburan Peratus Sekolah yang Mengadakan Ceramah-Ceramah untuk Murid-Murid

Gred Sekolah (N=245)	Bilangan Ceramah					Jumlah (%)
	1-2 (%)	3-5 (%)	6-10 (%)	10+ (%)	Tidak Pernah (%)	
A = 85	14.7+ (42.4)*	6.1 (17.6)	1.2 (3.5)	0.4 (1.2)	12.2 (35.3)	100
B = 105	20.4 (47.6)	6.1 (14.3)	1.2 (2.9)	0.4 (1.0)	14.7 (34.3)	100
C = 38	4.9 (31.6)	1.2 (7.9)	0.4 (2.6)	-	9.0 (57.9)	100
D = 10	1.2 (30.0)	-	-	-	9.0 (70.0)	100
T = 8	1.6 (57.2)	-	-	-	1.2 (42.8)	100
Jumlah	42.8	13.4	2.9	0.8	40.0	

T = Tidak dapat diberi gred. (+ dan \* Rujuk Jadual 2)

Selanjutnya sekolah-sekolah yang biasa menganjurkan ceramah-ceramah ini berpendapat bahawa ceramah-ceramah ini adalah berkesan bagi membangkitkan kesedaran murid-murid mengenai bahaya dadah.

### 3. Seminar-seminar dan bengkel pendidikan pencegahan dadah untuk guru-guru

Sekolah-sekolah telah melaporkan bahawa di sepanjang 5 tahun yang lalu berbagai seminar dan bengkel telah dianjurkan oleh badan-badan seperti PEMADAM, Kementerian/Jabatan-Jabatan Pelajaran/Kelab Rotary Jaycees dan Lions, Persatuan Pengguna-Pengguna, Pulau Pinang dan ABIM.

Namun demikian, seperti yang terlihat dalam Jadual 8, hanya 46.5% sahaja sekolah-sekolah dalam sampel kajian ini yang mela-

porkan biasa menghantar guru-gurunya untuk menghadiri seminar-seminar atau bengkel-bengkel ini dan kebanyakan guru-guru ini berpeluang menghadiri sekurang-kurangnya antara sekali hingga dua kali seminar-seminar atau bengkel-bengkel di sepanjang 5 tahun yang lalu.

Sebaliknya sebahagian besar sekolah-sekolah (53.5%) tidak pernah menghantar guru-guru ke mana-mana seminar atau bengkel pencegahan salahgunaan dadah.

Jadual 8

Taburan Peratus Sekolah Yang Menghantar Guru-Guru ke Seminar atau Bengkel

Gred Sekolah (N=245)	Bilangan Kehadiran Guru					Jumlah (%)
	1-2 (%)	3-5 (%)	6-10 (%)	10+ (%)	Tidak Pernah (%)	
A = 81	14.5+ (42.4)*	2.1 (17.6)	0.4 (3.5)	-	16.6 (49.4)	100
B = 104	16.2 (37.5)	2.1 (4.8)	0.4 (1.0)	-	24.5 (56.7)	100
C = 38	5.0 (31.6)	2.1 (13.2)	-	-	8.7 (55.3)	100
D = 10	2.5 (60.0)	-	-	-	1.7 (40.0)	100
T = 8	0.8 (25.0)	0.4 (12.5)	-	-	2.0 (62.5)	100
Jumlah	39.0	6.6	0.8	-	53.5	

T = Tidak dapat diberi gred. (+ dan \* Rujuk Jadual 2)

Selanjutnya bagi guru-guru yang biasa menghadiri seminar atau bengkel, kebanyakan mereka adalah guru bimbingan (42.8%). Selain dari itu terdapat juga guru besar (8.4%) dan guru biasa (6.8%) yang menghadiri seminar-seminar ini.

Kebanyakan guru-guru yang menghadiri seminar-seminar atau bengkel-bengkel ini berpendapat bahawa seminar-seminar atau bengkel-bengkel ini telah memberi munafaat kepada mereka (86.2%). Hanya sebilangan kecil sahaja yang berasa bahawa seminar-seminar atau bengkel-bengkel ini tidak memberi apa-apa faedah kepada mereka (0.9%).

4. Matapelajaran-matapelajaran yang mengandungi unsur-unsur pencegahan dadah

Sekolah-sekolah telah diminta meyenaraikan tiga matapelajaran sekolah yang dianggap amat penting, penting dan agak penting dari segi sama ada isi kandungannya mengandungi unsur-unsur pendidikan pencegahan dadah.

Jawapan-jawapan dari sekolah menunjukkan bahawa matapelajaran Sivik dianggap amat penting, matapelajaran Sains Kesihatan, penting dan matapelajaran Ugama, agak penting sebagai alat pengantar kepada pendidikan pencegahan dadah.

Sekolah-sekolah juga ditanya sama ada guru-guru yang mengajar matapelajaran-matapelajaran ini cuba mengguna bahan-bahan lain sebagai maklumat tambahan. 46.8% mengatakan guru-gurunya ada cuba menggunakan bahan tambahan, sementara 53.2% sekolah-sekolah melaporkan sebaliknya.

5. Usaha sekolah sendiri mengadakan rancangan-rancangan pendidikan pencegahan dadah

Dalam hal ini, didapati kebanyakan sekolah (71.7%) tidak pernah mengadakan rancangan sendiri mengenai pendidikan pencegahan dadah. Hanya 28.3% sekolah sahaja yang cuba mengadakan rancangan sendiri dan rancangan-rancangan ini termasuklah memberi bimbingan dan kaunseling kepada murid-murid; mengadakan pertandingan essei mengenai salahguna dadah dan melekatkan cabutan-cabutan dari surat khabar tentang bahaya dadah di papan kenyataan; mengadakan kegiatan-kegiatan luar seperti melawat pusat-pusat pemulihan dadah dan "camping".

Sekolah-sekolah ini juga melahirkan rasa puas hati dengan rancangan-rancangan yang dijalankan oleh mereka sendiri walaupun mereka mengakui bahawa keberkesanan rancangan-rancangan ini mungkin boleh ditingkatkan lagi kalau tidak kerana pengaruh-pengaruh asing yang di luar kawalan sekolah.

Bagi sekolah-sekolah yang tidak pernah mengadakan apa-apa rancangan pendidikan pencegahan dadah, sekolah-sekolah ini telah menyuarakan beberapa sebab tidak berbuat demikian. Antara sebab-sebab ini termasuklah rasa bimbang kalau-kalau rancangan-rancangan seperti ini akan membangkitkan lagi rasa ingin tahu murid-murid terhadap dadah. Masalah kewangan dan tidak masa juga disebut selain dari pendapat mereka bahawa rancangan-rancangan ini tidak perlu kerana sekolah tidak lagi menghadapi salahguna dadah dan lagi pun kempen-kempen yang sedia ada, seperti yang disiarkan oleh talivisyen sudah mencukupi.

Sementara itu beberapa sekolah lain telah melahirkan harapan agar badan-badan berkuasa yang tertentu mengadakan rancangan-rancangan pendidikan pencegahan dadah.

Perbincangan dan Penutup

Berdasarkan kepada jawapan-jawapan dari sekolah-sekolah dalam sampel kajian ini jelaslah bahawa pada umumnya sekolah-sekolah tidak ketinggalan melibatkan diri dalam rancangan-rancangan pendidikan pencegahan dadah. Misalnya, sekolah-sekolah telah menerima berbagai poster dan risalah dan telah mempamerkan bahan-bahan bercetak ini untuk tatapan sebilangan kecil sekolah-sekolah yang tidak mempunyai bahan-bahan media ini.

Berhubung dengan bahan-bahan bukan bercetak, seperti filem dan slaid, didapati amat sedikit sekali sekolah-sekolah yang menggunakan jenis media ini, dan seterusnya amat kecil sekali bilangan sekolah yang menghantarkan murid-muridnya ke sekolah-sekolah lain yang menayang filem-filem mengenai bahaya dadah. Ini mungkin membayangkan bahawa sekolah-sekolah tidak sedar adanya kemudahan-kemudahan ini ataupun menghadapi kesulitan mendapatkan kemudahan-kemudahan ini.

Walaupun murid-murid sekolah-sekolah tidak banyak peluang menonton filem-filem mengenai bahaya dadah, mereka berpeluang menghadiri pameran-pameran dan ceramah-ceramah mengenai perkara yang sama; dan guru-guru juga berpeluang menghadiri seminar-

seminar dan bengkel-bengkel pendidikan pencegahan dadah. Lebih separuh sekolah-sekolah dalam sampel ini melaporkan biasa mengambil bahagian dalam kegiatan-kegiatan ini. Dalam pada itu hampir separuh sekolah-sekolah belum lagi mengambil apa-apa langkah melibatkan diri dalam usaha yang sama.

Keadaan ini lebih ketara apabila diteliti jawapan-jawapan sekolah mengenai usaha sendiri mengadakan rancangan-rancangan pendidikan pencegahan dadah. Hampir 72% sekolah-sekolah belum berusaha sendiri. Ini menunjukkan bahawa sebahagian besar sekolah-sekolah amat bergantung kepada kurikulum sekolah yang seida ada ataupun kepada usaha-usaha badan-bada lain. Keadaan ini timbul misalnya tiada ada masa atau wang, dan mungkin juga tiada ada kepakaran untuk menyediakan rancangan-rancangan pendidikan dadah yang sesuai.

Pada amnya 'trend' menunjukkan bahawa sekolah-sekolah gred A dan gred B telah dapat mengambil bahagian yang aktif dalam rancangan pendidikan pencegahan dadah.

Setakat ini PEMADAM merupakan badan sukarela yang paling aktif membekalkan bahan-bahan serta juga mengadakan kegiatan-kegiatan yang melibatkan murid-murid dan guru-guru dalam pendidikan pencegahan dadah. Usaha-usaha yang serupa juga dibuat oleh badan-badan sukarela lain dan badan-badan kerajaan. Tetapi seperti yang disebutkan di awal kertaskerja ini kebanyakan usaha-usaha yang mempunyai tujuan murni ini belum dinilai dari segi sejauhmana ianya berkesan bagi mencapai matlamat-matlamat

mencegah dari merebaknya salahguna dadah di kalangan kaum remaja di bangku sekolah atau di luar sekolah. Hasil penilaian ke atas rancangan-rancangan ini adalah diperlukan supaya ianya dapat dijadikan garis panduan untuk rancangan-rancangan pendidikan pencegahan dadah selanjutnya.

1. INTRODUCTION

Studies conducted by the National Drug Research Centre have shown that 11.6% of 16,166 school children surveyed have had some experience with non-medical use of drugs and that a trend towards multiple drug use was becoming evident. Epidemiological studies conducted by the Centre also showed that 30% of the addicts started using drugs before reaching the age of 19 (Navaratnam & Spencer, 1981).

Clearly, the involvement of adolescents and young people in drug abuse has become increasingly serious. Early prevention efforts are therefore essential to prevent potential users from being influenced to experiment with drugs. In this respect several preventive measures have already been undertaken by the government as well as by various voluntary agencies (Iyer, 1979). However, there is a need for careful and systematic evaluation of drug educational materials and programmes that have already been introduced or are soon to be introduced to enable authorities concerned to make informed and well-balanced decisions for future actions (Second ASEAN Workshop, 1979).

Research on Drug Prevention Education at Universiti Sains Malaysia

A study on the drug prevention education programme is being undertaken collaboratively by the National Drug Research Centre and the School of Educational Studies in Universiti Sains Malaysia in an effort to provide a better foundation on which decisions on the choice of model and design for drug education programmes can be based. This is also in response to the directive of the Cabinet Committee on Anti

Dadah which has emphasised the relevance and importance of drug educa-

effective with Malaysian schoolchildren. All relevant

to these schools and the extent to which students had been exposed to them. The survey specifically focussed on the following aspects of the drug education programmes:

- (a) the kinds of printed and non-printed materials available in schools;
- (b) exhibitions and talks attended by school children;
- (c) seminars and workshops attended by teachers and headmasters;
- (d) school curricula.

## 2. METHODOLOGY

The survey was conducted at the secondary school level since it was considered that pupils at this age were more likely to be involved in the use of drugs. For the purpose of the survey all government secondary schools in the states of Perlis, Kedah, Perak and Penang were used. All secondary schools in these four states were chosen not only on grounds of accessibility but also because of their close proximity to the Malaysia/Thai border where drug smuggling is most active. This survey was carried out with the co-operation of the Ministry of Education and all the State Education departments concerned.

### 2.1 Sample

There were 276 government secondary schools in these four States and a total number of 250 schools (96.8%) responded and returned the questionnaire. These schools were categorised into different grades (A, B, C, D, T) as determined by the Ministry.<sup>1</sup> In order to make a comparative examination of the implementation of drug education in schools, it was found convenient to group the schools into the given grades as these would reflect the size of the schools in terms of the number of students, teachers and classes. The distribution of these schools according to these grades is shown in Table 1.

---

<sup>1</sup>These categories are based on the highest level of education provided (e.g. Form 6, Form 5 or Form 3), provided and also on the size of student enrolment.

Table 1

Distribution of Schools According to Grades

Grades of School	Number	Percentage
A	87	34.8
B	107	42.8
C	38	15.2
D	10	4.0
T	8	3.2
Total	250	100.0

The figures in this table indicate that over 77% of these schools are in categories A and B.

2.2 Development of Questionnaire

A pilot survey was conducted to determine the appropriateness of the questions. Modifications to the wording and some new questions were added. The items in the questionnaire asked for information and opinions regarding the types and degree of effectiveness of printed and non-printed materials, exhibitions and talks attended by students of the school, and seminars and workshops attended by headmasters/teachers. It also asked for information regarding the kind of drug education programmes in schools. Information regarding the number of students in each school who had been identified as misusing drugs since 1970 was also requested. The questionnaire was produced in Bahasa Malaysia (National Language) and is found in Appendix A.

2.3 Administration

The questionnaires were sent by post and a covering letter was attached to explain the purpose of the survey. For this survey the questionnaires carried codes of the schools as determined by the Ministry. Names of schools were not used. The Headmasters were requested to respond to the questionnaires, and in a number of instances, the questionnaires appeared to have been answered by other teachers such as the senior assistants and the guidance teachers.

2.4 Method of Analysis

A total number of 250 schools returned the questionnaires. The questionnaires were checked for any missing information and inconsistencies. The responses to the questionnaires were then coded. Analyses were carried out using the Statistical Package for Social Sciences.

Schools were also classified into 'high risk', 'medium-risk', and 'low risk' groups based on drug involvement of the districts in which the schools were located. Information for this classification was provided by the National Drug Research Centre which receives reports related to drugs from the relevant authorities such as the Customs, Police, Health and Welfare. The National Drug Research Centre (NDRC) functions as a national data bank on matters related to drugs in Malaysia.

The data was analysed and the results presented with respect to the grades of schools (A, B, C, D and T) and also the risk level of the

school (High, Medium and Low). Although most of the items were structured and analysed through the computer the information from a number of open-ended items was incorporated into the relevant sections of the report.

### 3. RESULTS

The results are presented under five main sections listed below:

- (a) Printed materials - Posters and Phamplets
- (b) Non-printed materials - Slides and Films
- (c) Exhibitions and Talks
- (d) Seminars and Workshops
- (e) Drug Education Programmes in Schools

The above sections represent the major aspects of the drug education programme that have been sampled in this survey. As indicated in the section on the specific purposes of the study, the availability and the effectiveness of each of the above aspects of the programme are presented.

4. PRINTED MATERIALS ON DRUG EDUCATION4.1 Posters

Table 2 presents the distribution of schools by grades regarding the availability of posters which is indicated by the number of types of posters received. In this table, two sets of figures and percentages are presented. The unbracketted figure indicates the percentage of the 248 schools which responded while the bracketted figure indicates the percentage of schools in the respective grades.

The table shows that just under 15% of the 248 schools had not received some posters. An interesting point is that only about 12% of these schools, mainly from grades A and B received more than five types of posters. This suggests that there is some relationship between the number of types of posters received and the size of the schools.

Table 2

Availability of Posters:  
Distribution of Schools by Grades

Grades (N=248)	No. of Types of Poster					Total
	1-2	3-5	6-10	10+	None	
	%	%	%	%	%	%
A = 87	15.3 (43.9)	10.11 (28.7)	3.2 (9.2)	1.6 (4.6)	4.9 (13.8)	100
B = 105	17.3 (40.9)	14.1 (33.3)	4.0 (11.4)	1.2 (2.9)	4.9 (11.4)	100
C = 38	6.9 (44.7)	4.0 (26.3)	0.4 (2.6)	0.4 (2.6)	3.6 (23.7)	100
D = 10	2.0 (50.0)	1.6 (40.0)	-	-	0.4 (10.0)	100
T = 8	2.0 (62.5)	0.4 (12.5)	-	-	0.8 (25.0)	100
Total	43.5	30.2	8.5	3.2	14.6	

Unbracketted figures are percentages based on sample (N).  
Bracketted figures are percentages based on the number of schools in each grade.

The same data is again analysed in terms of the risk level of the schools. The distribution of schools of risk level on the availability of posters is given in Table 3. In this table the columns from 6-10 and 10+ types of posters are combined for the purpose  $\chi^2$  test. The obtained  $\chi^2$  value of 9.69 is not significant at the 0.05 level. This means that there is no relationship between risk level and the number of types of poster received.

Table 3

Availability of Posters:  
Distribution of Schools by Risk Level

Levels of Risk (N=248)	Types of Posters				Total
	1-2	3-5	6+	None	
Low = 87	42	25	10	10	87
Medium = 82	26	26	13	17	82
High = 79	40	24	6	9	79
Total	108	75	29	36	248

Data was also collected regarding the producers of the posters received by schools. The relevant data is given in Table 4 which presents a list of producers together with the percentage of schools receiving posters from such sources. More than 63% of schools indicated that they received posters from PEMADAM, (The National Drug Prevention Association). It is interesting to note that 44% of schools produced their own posters while about 38% and 30% of schools received their posters from the State Department of Education and the Ministry of Education respectively. Nearly 23% of the schools received posters from other sources such as Ministry of Health, Department of Information, Department of Welfare, Drug Rehabilitation Centres, Rotary and Lions Clubs.

Table 4

List of Producers of Posters  
by Percentage of Schools Receiving Posters

Agencies	% of Schools
PEMADAM	63.6
Individual Schools	44.0
State Dept. of Education	37.6
Ministry of Education	29.6
Others	22.8

Two aspects of the effectiveness of the posters received are discussed here. The first aspect is concerned with the number of students which viewed the posters while the second is concerned with the number of posters considered effective by the Headmasters of schools.

Data for the first aspect is contained in Table 5 on the degree of exposure of posters to students. Eighty-six (86%) percent of the schools reported that quite a number of students had viewed the posters. Data for the second aspect of effectiveness of posters is given in Table 6. The effectiveness of posters is indicated by the number of posters considered effective by the schools. Over 21% of the schools felt that only a few or none of the posters were effective. On the other hand more than 15% of the schools felt that all posters were effective.

Table 5

types of pamphlets received by the schools. In this table, two sets of

indicated signs indicates

Table 7

Availability of Pamphlets:  
Distribution of Schools by Grades

Grades of Schools (N=247)	No. of Types of Pamphlets					Total
	1-2	3-5	6-10	10+	None	
	%	%	%	%	%	
A=86	15.4 (44.2)	7.7 (22.1)	1.6 (4.7)	0.8 (2.3)	9.3 (26.7)	100
B=106	21.9 (50.9)	10.1 (23.6)	0.8 (1.9)	2.0 (4.7)	8.1 (18.9)	100
C=38	5.3 (34.2)	3.6 (33.7)	1.6 (10.5)	-	4.9 (31.6)	100
D=9	1.2 (33.3)	0.8 (22.2)	-	-	1.6 (44.4)	100
T=8	0.8 (25.0)	0.8 (25.0)	-	-	1.6 (50.0)	100
Total	44.0	23.1	4.0	2.8	25.5	

Unbracketted figures are percentages based on table sample (N).  
Bracketted figures are percentages based on the number of schools in each grade.

Table 8 analyses the same data with respect to the risk level of the schools. In this table the actual number of schools are reported and  $x^2$  test shows that there is no difference in the response patterns for schools in different risk levels at the 0.05 level.

Table 8

Availability of Pamphlets:  
Distribution of Schools by Risk Level

Levels of Risk (N=247)	Types of Pamphlets				Total
	1-3	3-5	6+	None	
Low = 88	40	23	6	29	88
Medium = 81	34	19	7	21	81
High = 78	36	15	4	23	78
Total	110	57	17	63	247

$$x^2 = 2.4 (6 \text{ df}) \text{ N.S.}$$

An examination of the data presented in Table 9 regarding the list of producers of pamphlets received, shows that 51% of the pamphlets were produced by PEMADAM. In contrast to posters, only 16% of the schools produced their own pamphlets, and the State Department of Education/Ministry of Education tend to be relatively the more important producers of pamphlets. In general, the other producers of pamphlets are similar to those for posters except for the Consumers Association of Penang and the Central Narcotics Bureau.

Table 9

List of Producers of Pamphlets by  
Percentage of Schools Receiving Pamphlets

Agencies	% of Schools
PEMADAM	51.2
State Dept. of Education	37.6
Min. of Education	31.6
Individual School	16.0
Other	22.0

In order to assess the effectiveness of the pamphlets, the survey also collected data regarding the intended readers of the pamphlets.

The data shows that most of the pamphlets were intended for students while the remaining 37% were for teachers. Table 10 shows the extent to which the pamphlets were read by these two target groups. In general less than half of the schools reported that the pamphlets were read by the respective target groups. More specifically, 53% of the schools felt that students read few or none of the pamphlets while 68% of the schools reported that teachers read few or none of the pamphlets intended for them.

Table 10

Reading of Pamphlets by Teachers and Students:  
Percentage of Schools

Number Readings Pamphlets Read	Target Population	
	Students	Teachers
Many	12.7	7.4
Quite a number	34.7	24.8
Few	41.6	61.1
None	11.0	6.7
Total	100.0	100.0

5. FILMS/SLIDES

The schools in this sample were asked to report, for the preceding 5 years, how many times films and slides were shown in their schools. Table 11 shows the distribution of schools by grades which had shown films/slides to their students. The table shows that 89% of the 245 schools reported that no films/slides were shown in their schools. This finding is supported by the data contained in Table 12 which gives the distribution of schools which viewed films/slides shown by other school/agencies. As indicated in this table, 91% of the 229 schools reported that their students did not have the chance to review films/slides shown in other schools.

Table 11

